



SIARAN MEDIA

PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK : KASIH KANAK KANAK

SEREMBAN, 23 APRIL – YB Menteri Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini, telah menyempurnakan pelancaran Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2024 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin dengan isu-isu keselamatan kanak-kanak khususnya penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak. Hal ini kerana kanak-kanak merupakan aset penting yang bakal mencorak masa hadapan negara. Kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak semakin meningkat dan mendapat liputan meluas di media massa, elektronik serta media sosial. Berdasarkan statistik JKJ, pada tahun 2023, **sejumlah 7520 orang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan**. Pada tahun **2022 Negeri Sembilan mencatatkan peningkatan iaitu seramai 302 kepada 405 orang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan pada tahun 2023**.

Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak ini adalah antara usaha berterusan Kementerian dalam mengerakkan semua anggota masyarakat agar bersama melindungi dan membina persekitaran selamat untuk kanak-kanak. Program ini menjadi platform kepada masyarakat setempat khususnya guru-guru, PIBG dan komuniti setempat untuk berperanan dalam membantu KPWKM mencegah berlakunya peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak. KPWKM akan meneruskan pelaksanaan program advokasi ini di sekolah seluruh negara serta akan mengadakan kerjasama rentas Kementerian bagi memastikan impak optimum Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak ini.

Dalam pada itu, JKM melalui Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) dalam proses menaiktaraf Sistem eDKK kepada sistem bersepadu yang akan dinamakan sebagai **Sistem Perkhidmatan Kanak-Kanak (Sistem ANAK)**. Sistem ANAK, dibangunkan adalah untuk meningkatkan keselamatan, perlindungan dan kesejahteraan sosial kanak-kanak. Sistem ini dibangunkan bagi menyimpan rekod kanak-kanak yang terlibat dengan penderaan dan pengabaian, pesalah terhadap kanak-kanak dan Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS). Melalui sistem ini juga, JKM akan dapat membuat semakan dan pemantauan bagi meningkatkan perlindungan dan keselamatan kanak-kanak serta mencegah jenayah terhadap kanak-kanak daripada berlaku dan berulang.

Program advokasi ini juga menjadi platform bagi kanak-kanak dan juga komuniti memanfaatkan sistem **Talian Kasih 15999** atau **whatsapp 019-2615999** apabila berlakunya kes-kes penderaan yang melibatkan anggota masyarakat, komuniti khususnya kanak-kanak untuk mendapatkan pertolongan dan bantuan segera.

Turut serta dalam majlis ini ialah YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Puan Noorzunita Begum binti Mohd Ibrahim, Exco Jawatankuasa Bertindak Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sembilan, dan pegawai-pegawai kanan KPWKM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Agensi.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
23 April 2024**